

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) adalah Badan Puncak Gerakan Koperasi Negara yang diiktiraf oleh kerajaan untuk mewakili koperasi pada peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi. ANGKASA terus menjalankan khidmat teras iaitu menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC.

Sekiranya anda seorang yang berdedikasi, bermotivasi tinggi dan inginkan persekitaran kerja yang stabil dan berdaya-saing, anda dipelawa menyertai kami dengan mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

**1. Nama Jawatan : PENGURUS  
MYANGKASA AKADEMI & RESORT, LANGKAWI (KONTRAK)**

**Kelayakan / Pengalaman**

- Berkelulusan **Ijazah Sarjana Muda** Pengurusan Hospitaliti, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Hotel dan Resort atau bidang berkaitan dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta **5 tahun pengalaman**.
- Mempunyai kemahiran dalam pengurusan operasi, kewangan, pemasaran dan sumber manusia serta mampu membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan cekap. Kemahiran menyediakan bajet, kawalan kewangan dan merancang strategi pemasaran.
- Fasih berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Inggeris serta memiliki kualiti peribadi seperti integriti, proaktif dan daya tahan. Pengetahuan mengenai undang-undang dan peraturan industri hospitaliti dan pelancongan di Malaysia juga diperlukan untuk memastikan operasi berjalan lancar dan mencapai objektif strategik.

**Bidang Tugas**

- Menyelaras dan menyelia Unit Pentadbiran, Operasi, Akaun dan Pemasaran untuk memastikan kelancaran operasi harian.
- Mengawalselia pendapatan dan perbelanjaan harian serta menyediakan bajet tahunan bagi operasi dan pembangunan MyANGKASA Akademi dan Resort, Langkawi.
- Menyediakan laporan prestasi kepada Pengurus Besar Kanan Bahagian, Pengurusan dan Jawatankuasa apabila diperlukan.
- Memastikan kecekapan, tatatertib dan produktiviti pekerja di semua peringkat.
- Terlibat secara aktif dalam aktiviti promosi dan pemasaran MyANGKASA Akademi dan Resort, Langkawi bagi meningkatkan jenama dan daya saing.



Individu yang berkelayakan dipelawa memohon dengan mengemukakan surat permohonan dan menyatakan jawatan yang dipohon berserta butiran peribadi terperinci (resume/cv) yang mengandungi gambar, maklumat kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran, kualiti personal, gaji semasa, gaji dipohon serta salinan sijil-sijil akademik / berkaitan dan gambar terbaru berukuran pasport kepada :


**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD  
Wisma Ungku A.Aziz, Jalan SS 6/1  
Peti Surat 8797, Pejabat Pos Kelana Jaya,  
47301 Petaling Jaya, Selangor  
(U/P : Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
dan Pengurusan Aset)**

Melalui e-mel : [recruitment@angkasa.com](mailto:recruitment@angkasa.com)

Maklumat lanjut sila layari : <https://angkasa.coop>

**TARIKH IKLAN : 2 APRIL 2026  
TARIKH TUTUP : 10 APRIL 2026**

MITMRP/LYNN/RMJ/ZMG\_iklanluaran

  
**MEJAR Ir. Ts. MOHD RAMLI PARMAN (BERSARA)**  
Pengurus Besar  
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
dan Pengurusan Aset  
Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran  
ANGKASA  
1/4/26